

Peluang Malaysia belajar daripada negara berpengalaman

SHAH ALAM - Kehadiran pasukan pakar perunding perubatan China untuk membantu Malaysia menangani wabak koronavirus (Covid-19) sangat dialu-alukan.

Pakar Mikrobiologi Klinikal dari-pada Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Zamberi Sekawi berkata, ia merupakan satu inisiatif yang sangat bagus kerana pasukan itu mempunyai pengalaman mengendalikan Covid-19 di negara mereka sebelum ini.

“Banyak yang kita belum ketahui mengenai wabak ini termasuk kaedah rawatan yang berkesan. Jadi dengan kehadiran kumpulan doktor pakar ini, kita dapat belajar daripada mereka banyak perkara terutama cara-cara mengendalikan pesakit.

“Apa yang bagus di China, kita lihat mereka turut gunakan teknologi kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai *artificial intelligence* (AI) dalam ujian pengesahan Covid-19 dan ia boleh kita pelajari,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan syarikat e-dagang utama dunia, Alibaba Group (Alibaba) menggunakan teknologi AI untuk menganalisis imbasan CT untuk pengesahan wabak itu.

Teknologi AI itu dikatakan dapat mengenal pasti perbezaan gambar antara pneumonia yang dijangkiti dengan Covid-19 dan pneumonia yang tidak dijangkiti dengan Covid-19 dalam masa 20 saat dengan kadar ketepatan hingga 96 peratus hingga menyebabkan teknologi itu digunakan di banyak hospital di China.



DR ZAMBERI